

**( Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang )**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang sedia kita maklum pada sebelah pagi tadi kita telah meneliti Rang Undang-Undang Perbekalan (2022/2023), (2022) di Peringkat Jawatankuasa dan kita telah pun berjaya meluluskan beberapa buah Tajuk.

Maka bagi membolehkan kita berbincang dan meneliti tajuk-tajuk seterusnya, saya tangguhkan dahulu Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita balik bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ

وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّاءِ وَالْمُرْسَلِينَ.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membolehkan kita meneruskan menimbangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, (2022/2023) satu persatu yang mana sebagaimana yang kita maklum undang-undang yang berkenaan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sedang dalam perbincangan kita.

Sekarang kita menyambung semula untuk membincangkan dan membahaskan Tajuk-Tajuk seterusnya.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk Kementerian Pendidikan iaitu SF01A hingga SF06A

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang selanjutnya akan membahaskan dan membincangkan Kementerian Pendidikan.

Sebelum Tajuk ini saya bukakan untuk diteliti dan dibahas. Saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan penjelasan tentang dasar dan objektif kementeriannya dalam penyediaan Anggaran Belanjawan Kewangan bagi kementerian yang berkenaan ini.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tahun Kewangan 2021/2022 merupakan tahun yang mencabar bagi semua pihak termasuk sektor pendidikan dengan gelombang kedua pandemik *COVID-19* yang bermula pada bulan Ogos 2021.

Belajar dari pengalaman gelombang pertama, Kementerian Pendidikan telah sedaya upaya berusaha untuk

memastikan kesejahteraan dan keselamatan pelajar dan warga sekolah serta kementerian adalah terjaga dan diberikan keutamaan dalam melaksanakan *Business Continuity Plan (BCP)* yang bersesuaian berdasarkan dengan keadaan semasa.

Untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan semasa penutupan sekolah, pendekatan pengajaran atau pembelajaran di rumah atau *Home Base Learning* secara dalam talian melalui berbagai landasan telah dilaksanakan. Kementerian Pendidikan mengambil maklum akan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh berbagai pihak semasa perlaksanaan pendekatan tersebut termasuk kemahiran dan kompetensi serta kekurangan sumber seperti alat peranti dan data *internet* terutama sekali bagi keluarga yang kurang berkemampuan.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan juga mengambil maklum cabaran pengajaran secara dalam talian dari segi penggunaan data internet dan juga kemahiran menggunakan aplikasi pengajaran yang bersesuaian.

Sehubungan dengan ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dan salah satu daripadanya ialah usahasama dengan pelbagai pihak bagi menyediakan peranti data internet kepada semua guru-guru dan juga pelajar-pelajar yang memerlukan.

الحمد لله , dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, guru-guru juga telah

diberikan 'elaun tambahan' sebanyak \$20.00 setiap bulan bagi kegunaan pembelian data internet untuk kegunaan pengajaran. Manakala pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan telah diberikan data internet sebanyak 10GB setiap bulan.

Usaha-usaha ini adalah selaras dengan objektif-objektif strategik Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kerjasama dan sokongan padu berbagai pihak berkepentingan dan juga untuk menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan yang berkualiti.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan dan sokongan dalam memperuntukan sebanyak \$583,726,080.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2022/2023 di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan dan Jabatan-Jabatan.

Dan jumlah tersebut sejumlah \$426,776,227.00 disediakan untuk gaji kakitangan sementara \$140,591,240.00 untuk Perbelanjaan Berulang-ulang dan Perbelanjaan Kemajuan \$16,365,560.00. Jumlah peruntukan besar yang disediakan ini jelas menunjukkan betapa pendidikan adalah merupakan satu keutamaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan sumber

tenaga manusia yang berkualiti tinggi, selaras dengan Matlamat 1 bagi Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Dengan yang demikian, Kementerian Pendidikan akan meneruskan usahanya dalam memberikan Pendidikan Holistik bagi mencapai potensi sepenuhnya untuk semua. ﴿شَاءَ اللَّهُ أَنْ شَاءَ﴾, dengan peruntukan ini, Kementerian Pendidikan akan memanfaatkan dengan penuh amanah dan sebaik-baiknya dengan berbelanja mengikut keutamaan dan penghasilan impak yang terbaik.

اللَّهُمَّ، melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dalam mengharungi pandemik *COVID-19* pelaburan Pendidikan ini terus membawa hasil yang semakin positif khususnya apabila dilihat dari segi keputusan peperiksaan-peperiksaan awam bagi sekolah-sekolah-sekolah peringkat rendah dan menengah di bawah Kementerian Pendidikan.

Bagi Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2021 sebanyak 65.81% atau seramai 2,229 orang calon telah memperolehi gred 'A' hingga 'C' dalam 5 mata pelajaran iaitu peningkatan sebanyak 3.4% dari tahun sebelumnya. Bagi peperiksaan *GCE 'O' Level* dan *IGCSE* pula 51.3% atau seramai 2,199 calon telah memperolehi sekurang-kurangnya 5 'O' level pada tahun 2021 iaitu peningkatan 8.51% dari tahun sebelumnya.

Keputusan *GCE 'A' Level* telah menunjukkan sebanyak 90.43% atau

seramai 1,153 calon memperolehi sekurang-kurangnya 3 'A' level jumlah peratus pelajar 'A' level yang mendapat gred 'A' dan 'C' dalam sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran telah menunjukkan peningkatan kepada 41.6% pada tahun 2021. Dalam pada itu, peratus pelajar 'A' level yang memperolehi *traiff point* melebihi 240 point telah juga meningkat kepada 61.28% berbanding dengan 52.93% pada tahun sebelumnya.

Pencapaian-pencapaian yang diraih ini adalah berkat hasil usaha gigih para pelajar, guru, pemimpin sekolah, ibu-bapa dan seluruh warga Kementerian Pendidikan khususnya melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik pendidikan rendah dan menengah. Di samping itu, peningkatan jumlah pembangunan profesional secara berterusan para guru di setiap kluster pendidikan sejak kebelakangan ini adalah bukti betapa guru amat peka terhadap kualiti pengajaran mereka, di mana hasilnya telah dapat kita lihat melalui pencapaian prestasi para pelajar yang kian meningkat dalam peperiksaan awam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Inisiatif-inisiatif strategik yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan tidaklah hanya tertumpu terhadap peringkat rendah dan menengah sahaja bahkan ia juga merentas ke peringkat pengajian tinggi. Di peringkat universiti, Universiti Brunei Darussalam telah meneruskan lagi kecemerlangan dengan buat julung kalinya pada tahun 2021 memasuki

carta *The Times Higher Education (THE)* di kedudukan di antara 351-400 *World University Ranking* 2022. Dalam *QS World University Ranking* pula, UBD telah meningkatkan kedudukan mereka dimana UBD telah berjaya naik kedudukan 250 universiti teratas dunia pada tahun 2022.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diiktiraf sebagai institusi 'Four Plus Star Rating' dalam kategori universiti gunaan berdasarkan sistem penilaian Metrik Prestasi Universiti (UPM) yang diterajui oleh Universiti kebangsaan Vietnam kerjasama *ASEAN University Network (AUN)*. UNISSA juga menubuhkan Fakulti Pertanian yang terlekat di Kampus Sinaut UNISAA yang mana telah mula beroperasi pada bulan Januari 2022.

Bagi Universiti Teknologi Brunei (UTB) pencapaian yang paling ketara di peringkat antarabangsa ialah penganugerahan 'Five Plus Star Rating' bagi kecemerlangan oleh QS. UTB juga berjaya meningkatkan kedudukannya di *QS World University ranking* 2022 pada posisi ke 344 dan antara 27% teratas dalam ranking berkenaan. Selain itu Program Kejuruteraan Petroleum UTB telah mencapai kedudukan 150 keatas dan *QS Subjek Ranking*. Semua pencapaian ini telah membuktikan bahawa universiti-universiti tempatan juga setaraf dengan universiti-universiti antarabangsa dari segi akademik, penyelidikan, reputasi majikan, nisbah pelajaran dan sebagainya di samping ianya mencerminkan kualiti pengajian

tinggi negara ini setanding dengan negara-negara luar.

Di peringkat Pendidikan Teknikal pula, Politeknik Brunei (PB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sentiasa komited dalam mewujudkan rangkaian kerjasama dan penglibatan dengan pihak berkepentingannya khusus *Manpower Planning Employment Council (MPEC)*, *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* dan sektor industri. Usaha ini adalah bagi memantapkan lagi kualiti-kualiti program-program latihan yang dijalankan selain bagi memastikan program-program yang ditawarkan adalah sejajar dengan keperluan negara dan industri.

الحمد لله, melalui kerjasama rapat dan sokongan dari pihak berkepentingan, kadar kebolehpasaran (*Employement Rate*), graduan PB dan IBTE selepas 6 bulan dari konvokesyen telah menunjukkan peningkatan sebanyak 13.8% bagi PB, iaitu 55.5% pada tahun 2019/2020 kepada 69.3% pada tahun 2020/2021. Manakala bagi IBTE peningkatan sebanyak 7.1% iaitu 67.6% pada tahun 2019/2020 kepada 74.7% pada tahun 2020-2021.

Dengan sokongan padu dari semua pihak melalui pendekatan *Whole of Nation* segala usaha meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan diperingkat teknikal mahu dipengajian tinggi ان شاء الله akan dapat dilipatgandakan.

Yang Berhormat Pengurus, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di sebalik pencapaian yang kaola peramba saya kongsikan tadi masih usaha-usaha yang perlu terus dilaksanakan dalam menghasilkan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi yang merangkumi kualiti sumber tenaga manusia yang cemerlang, pemberian akses pendidikan yang sama dan saksama serta kerjasama erat dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam hubungan ini suacita dikongsikan bahawa antara projek-projek yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2022/2023 khususnya dalam mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berdasarkan prestasi dibawah Objektif Strategik I, Pelan Strategik, Kementerian Pendidikan 2018-2022 ialah:

- i) Peningkatan kemahiran dan kapasiti khususnya bagi program perkembangan profesional untuk tenaga-tenaga pengajar, pemimpin-pemimpin sekolah dan tenaga kerja di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan.
- ii) Kementerian Pendidikan melalui Akademi Kepimpinan dan Guru-Guru Brunei BDLTA bertanggungjawab dalam menyediakan dan mengendalikan program-program bagi Tenaga Pengajar dan Pemimpin Sekolah. Bagi Tenaga Pengajar, Unit Tenaga Pengajar bagi di bawah BDLTA telah mereka-bentuk Program Perkembangan Profesional yang berpaksikan dua domain iaitu

Pengetahuan dan Kemahiran Profesional serta Penglibatan Profesional dan 6 *standards* atau piawaian pendidikan. Kursus-kursus yang disediakan adalah bertujuan untuk membentuk dan membangun kompetensi atau *Competency based Training Modules for Signature Series* yang berdasar 17 kompetensi pengajaran yang terdapat di dalam *Brunei Teachers Standard-Teacher Performance Appraisal 2.0*.

- iii) Sementara itu, Unit Kepimpinan Sekolah di bawah BDLTA pada masa ini juga telah menyediakan dan melaksanakan 4 *Tier Signature Program* bagi peringkat kepimpinan. Program-program ini direka bagi membangun kapasiti dan kompetensi pemimpin-pemimpin sekolah di setiap tahap sepanjang karier mereka agar mereka mampu menjadi pemimpin yang berwawasan, boleh merancang dan mentadbir secara strategik, bekemampuan untuk mentadbir perubahan, mengurus sumber manusia strategik terutama sekali mampu menjadi pemimpin instruksional di sekolah masing-masing.
- iv) Selain tenaga pengajar dan pemimpin sekolah, pihak BDLTA melalui Unit Kepakaran Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kerjaya juga menyediakan Program Perkembangan Profesional bagi membangun kompetensi tenaga pengajar yang dikenalpasti bagi memenuhi keperluan jabatan-jabatan dalam Kementerian

- Pendidikan menerusi bidang yang berkaitan dengan Perkembangan Kurikulum, Penilaian dan Peperiksaan, Penyeliaan (Kenaziran), Penyelidikan Pendidikan, Pendidikan Khas, Teknologi Pendidikan dan Pengurusan Sumber Tenaga Manusia.
- v) Di samping meningkatkan kompetensi di kalangan tenaga pengajar dan pemimpin-pemimpin sekolah, pihak Kementerian juga mengambil maklum terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka terutama apabila gelombang-gelombang *COVID-19* melanda yang menyebabkan ada sebahagian kalangan tenaga pengajar dan pemimpin sekolah menmghadapi tekanan (*stress*), kemurungan dan kecelaruan yang boleh menganggu kesihatan mental mereka. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan telah membentuk satu unit baru dikenali sebagai Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar di bawah seliaan Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan.
- vi) Di peringkat pengajian tinggi pula, pembentukan Rangka Kerja Kompetensi, Pemimpin Pengajian Tinggi yang akan di asas dalam melaksanakan pengurusan sumber-sumber tenaga manusia di tahap yang berkualiti bagi pemimpin di institusi pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan akan diteruskan.
- vii) Pembentukan Pelan Latihan dan Pembangunan IBTE yang mengandungi rangka kerja kompetensi teras IBTE bagi pemimpin pengurusan dan pengajar yang menyediakan peta jalan untuk melatih pemimpin dan pihak pengurusan tenaga akademik dan staf sokongan dalam kompetensi teras akan terus dilaksanakan melalui akademi TVET di IBTE. Rangka Kerja yang sama juga turut giat dibentuk oleh Politeknik Brunei dalam melengkapkan sumber tenaga manusia di institusi berkenaan dengan kompetensi dengan kemahiran yang memenuhi piawaian industri.
- Manakala projek-projek utama yang akan dilaksanakan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 di bawah Objektif Strategik Kedua iaitu untuk menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti ialah:-
1. Meneruskan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pengeluaran aset di institusi-institusi pendidikan iaitu di sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat-pusat tingkatan enam termasuk juga di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dengan menaik taraf bangunan dan perlaksanaan pemeliharaan komprehensif melalui projek *Facility Management*. UBD dan IBTE juga akan melaksanakan projek *Facility Management* di institusi masing-masing dari Tahun Kewangan 2022/2023, dan ان شاء الله akan juga dilaratkan penggunaannya di institusi yang lain di tahun-tahun yang datang

- sebagai salah satu program *fiscal consolidation* yang dilaksanakan secara menyeluruh di Kementerian Pendidikan;
2. Pemeliharaan sistem komputer bagi sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan. Mengambil kira penularan wabak *COVID-19* dan juga insiatif Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan *Blended Learning* serta mempertingkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work and future ready*. Selaras dengan Pelan Tranformasi Digital Kementerian Pendidikan, beberapa projek akan dilaksanakan seperti berikut:-
- a) Projek Perolehan Komputer melalui kontrak induk IT *Central Procurement 3* daripada Pusat Kebangsaan E-Kerajaan akan terus dilaksanakan bagi tujuan penggantian semua alat-alat peranti termasuk komputer dan *desktop* komputer riba di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Kementerian Pendidikan;
  - b) Projek pembekalan komputer riba serta data internet kerpa pada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dan semua tenaga pengajar dari sekolah-sekolah kerajaan agar pengajaran dan pembelajaran berasaskan rumah (*home based learning*) ndapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
  - c) Projek Penaiktarafan Infrastruktur Rangkaian Kementerian bertujuan untuk menyedia, mengurus, memelihara dan memantau prasarana rangkaian bagi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan agar operasi kementerian akan lebih berkesan dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran melalui penggunaan teknologi.; dan
  - d) Projek menggabungkan kandungan-kandungan video pengajaran dan pembelajaran ke dalam satu platfrom dalam talian bagi kegunaan guru-guru dan pelajar-pelajar agar bahan-bahan berkenaan dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Ianya juga akan diharapkan akan dapat menjadi sumber maklumat tambahan di luar waktu kurikulum. Projek ini selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan dalam mengembangkan lagi pendekatan pembelajaran digital.
- Projek-projek utama lain yang turut dilaksanakan daripada Tahun Kewangan 2022/2023 di bawah Objektif Strategik II termasuk:-
1. Pengukuhan piawaian dan kurikulum bagi *Digital Literacy* bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran yang diajar kepada pelajar-pelajar di pelbagai peringkat tersusun dan selaras dengan kurikulum antarabangsa; dan

2. Memantapkan program pendidikan khas dengan terus menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti melalui penambahan *Centre of Excellence* atau Pusat Kecemerlangan yang mempunyai prasarana yang lebih sesuai bagi menampung keperluan fizikal dan kemudahan pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Selain dari itu, dalam mengambil kira gelombang-gelombang *COVID-19* yang telah melanda negara kita dan menyebabkan pengajaran dan pembelajaran terpaksa dilaksanakan melalui pelbagai kaedah Pihak kementerian maklum mengenai implikasi perkara ini yang menyumbang ke arah *Learning Deficit*. Sehubungan dengan ini, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan akan terus meningkatkan kualiti dan memperkasa perlaksanaan Program *Learning Support*. Ini merupakan satu usaha Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kompetensi *literacy* dan *numeracy* dalam kalangan pelajar-pelajar terutama sekali bagi golongan yang terkesan disebabkan pandemik.

Seterusnya, mengkaji dan menyusun semula kurikulum dan program yang sedia ada dan menawarkan program-program baru di institusi-institusi pendidikan teknikal dan pengajian tinggi agar sentiasa relevan dan memenuhi keperluan industry. Melalui kerjasama rapat MPEC dan pihak-pihak yang berkepentingan. Ini termasuk program-program NTec dan HNTec dalam jurusan Perniagaan, Teknologi Maklumat,

*Geomatics* dan Teknologi Tani di IBTE, program-program Diploma dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi Industri di Sekolah Petrokimia, Politeknik Brunei.

Di bawah Objektif Strategik III di Kementerian Pendidikan iaitu untuk meningkatkan perkongsian akauntabiliti dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran, projek utama yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2022/2023 ialah:-

1. Peningkatan hubungan dua hala dengan Kementerian Pendidikan dan institusi pendidikan luar negara serta hubungan organisasi serantau dan antarabangsa melalui kumpulan kerjasama atau *joint working group*. Pihak Kementerian Pendidikan akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti kerjasama, perbincangan dan bertukar pendapat mengenai isu-isu pendidikan dan amalan-amalan terbaik dengan negara-negara sahabat;
2. Meningkatkan sinergi dan penglibatan pihak industri kerajaan dalam penyelidikan, inovasi dan penempatan kerja bersama institusi-institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan; dan
3. Mempelbagaikan program-program dan kursus-kursus peningkatan kemahiran atau *up skilling* dan kemahiran semula atau *reskilling* di pusat pembelajaran sepanjang hayat dengan kerjasama institusi-institusi pendidikan teknikal dan

pengajian tinggi bersama MPEC dan pihak berkepentigan yang lain.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penglibatan berterusan Ahli-Ahli Yang Berhormat, para ibubapa penjaga dan masyarakat adalah amat diperlukan seperitiman yang dapat kita alami semasa mengharungi *COVID-19*.

Marilah kita sama-sama mendukung misi kementerian ini “Untuk Memberikan Pendidikan Holistik Bagi Mencapai Potensi Sepenuhnya Untuk Semua” bagi Mencapai Misi Pendidikan Berkualiti Negara Dinamik”.

Sekian dan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kesempatan untuk menyampaikan mukadimah ini.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengerusi:** *الْحَمْدُ لِلّٰهِ*, kita mengucap terima kasih kepada Menteri Pendidikan yang telah memberikan keterangan secara mendalam dan jelas tentang perancangan serta dan hala tuju bagi kementeriannya. Maka dengan itu saya sekarang ingin membuka Tajuk ini supaya dibincangkan dan saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa tajuk SF03A - Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Dicadangkan hendaknya Program Fakulti Pertanian UNISSA mempunyai pelan tindakan komprehensif dan menjamin kualiti program kebolehpasaran pelajar sama ada mendapatkan pekerjaan atau menjalankan agribisnes.

Melalui program fakulti ini harus pihak UNISSA dapat menjangkakan peratus penuntut sebagai tenaga mahir untuk bekerja dalam industri pertanian dan lain-lain industri. Peratus penuntut yang berminat menyambung pengajian dan sekurang-kurangnya 10% untuk menjadi usahawan. Negara sangat beruntung mempunyai pengusaha agribisnes daripada individu yang berkualiti dan berpengetahuan Islam.

Pihak UNISSA mungkin sudah memastikan setiap program yang ditawarkan mempunyai akreditasi yang sewajarnya. Mohon *transparency* pihak UNISSA bagi meningkatkan maklumat kepada orang ramai khususnya para belia-belia untuk lebih berminat untuk memasuki UNISSA dalam fakulti pertanian.

Seterusnya SF04A - Universiti Teknologi Brunei. Apakah peranan UTB membantu dalam pembangunan sektor pertanian dan perikanan memandangkan UTB sebuah universiti teknologi, adakah UTB sudah mereka cipta jentera yang efektif dan praktikal dalam usaha pembajakkan tanah penanaman, perairan, pembajaan, penuaian padi yang menjadi sumber asasi negara. Kita mengetahui sudah

banyak bijak pandai kitani dari dalam dan luar negara yang seharusnya membuat perancangan dalam penyediaan alat teknologi praktis bagi membantu pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai soala-soalan tersebut. Dan bagi menjawab soalan; petma mengenai Fakulti Pertanian UNISSA.

1. **Fakulti Pertanian UNISSA**, ini baru ditubuhkan pada 28 Januari 2021 dan ianya dalam proses pembangunan dan masa ini sedang melaksanakan program Sains pertanian dan bidang agri bisnis di peringkat Sarjana, Sarjana Muda dan Phd. Untuk makluman bersama, pada masa ini seramai 15 mahasiswa dan mahasiswa yang mengikuti program *Bachelor Of Science In Agriculture* dan Agri Business dan juga seorang mengikut Master *in Argibusiness By Research*. Dan beberapa program lagi sedang dalam proses untuk di tawarkan dan disenaraikan dalam perancangan strategik bagi jangkamasa 5 tahun akan datang. Bidang-Bidang ini termasuklah Agri Teknologi, *Aqua Culture*, *Poultry Culture*, penternakan dan *veterinary* dalam penubuhan itu. Dan di samping itu juga perlu di ambil kira penubuhan ini memerlukan

kemudahan makmal yang sesuai bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran.

Kurikulum-kurikulum program-program yang di senaraikan di fakulti pertanian ini telah di rangka dengan melibatkan pakar-pakar dari luar negara pihak industri dan jabatan-jabatan berkenaan. Usaha ini adalah bagi memastikan kurikulum adalah sejajar dengan amalan di peringkat antarabangsa dan akan dikemaskini secara berkala. Dan bagi memastikan sejarahannya dengan keperluan industri dan ekonomi Negara Brunei Darussalam juga.

Selaku Universiti Islam yang menjadikan *Maqasid Syariah* sebagai *guiding principle* dalam Penyelidikan dan pembelajaran, adalah menjadi hasrat utama universiti dan fakulti yang masih muda ini untuk bergerak mengimbangi keperluan agama, masyarakat dan persekitaran serta perkembangan teknologi bagi menyokong perkembangan industri pertanian yang mampan. Perkembangan teknologi pertanian seperti *Smart farming*, *Solar Farming* dan juga seumpamanya memerlukan penyelidikan yang boleh memberikan faedah kepada para pengamal tempatan. Dan perkara-perkara ini juga akan diberikan kepada belia-belia dan pelajar-pelajar kitani yang berminat dalam bahagian pertanian terutama yang dalam peringkat Tahun 11, 12 dan 13 dalam sistem pendidikan kitani.

Bagi menjawab soalan Kedua dari Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dengan kontribusi UTB dalam sektor pertanian. Pihak UTB mempunyai program mengenai *food science* dan Agri-Teknologi dan ianya telah pun melahirkan kumpulan-kumpulan graduan yang dalam sektor ini dan ianya juga mempunyai penyelidikan yang berpaksikan kepada *food science* seperti *packaging* juga penyediaan makanan. Saranan daripada Yang Berhormat mengenai dengan mungkin pihak UTB akan membuat penyelidikan dari segi pembajaan padi dan seterusnya di ambil baik oleh Kementerian Pendidikan dan akan difikirkan tentang kesesuaianya dengan pihak pihak UBD.

Terima Kasih, Yang Berhormat Pengurus.

**Yang Berhormat Pengurus:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengurus. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ سلام عليكم ورحمة الله وبركاته Saya ingin menyentuh mengenai dua perkara untuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan, iaitu Pengajian Tinggi. Menyentuh mengenai peruntukan yang diberikan untuk program-program agro-teknologi di IBTE serta seperti yang di jelaskan Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi, UTB dan UNISSA menjalankan program agro teknologi.

1. Bagaimanakah penyelarasan dilaksanakan mengenai perkara ini memandangkan kitani ada 3 institusi pendidikan yang berlainan, menjalankan perkara yang lebih kurang sama dan mungkin hala tujuanya yang lebih baik ialah untuk menjadi sebuah sahaja universiti agro teknologi?.
2. Menurut Akta Pendidikan, institusi pendidikan swasta khususnya pusat-pusat tuisyen perlu mempunyai sebuah permis yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat tertentu. Namun disebabkan oleh *COVID-19* yang mempercepatkan lagi transformasi digital ini, apakah sudah tiba masanya untuk membenarkan pusat-pusat tuisyen ini beroperasi diatas talian sahaja bagi yang ingin menjalankan seperti cara tersebut dan tidak perlu mempunyai permis-permis fizikal. Di antara faedah-faedahnya ialah:
  - i. Mengurangkan kos-kos operasi and dapat menyediakan yuran tuisyen berpatutan dan rendah;
  - ii. Membuka peluang-peluang pekerjaan bagi para guru-guru tuisyen terutama graduan-graduan baru;
  - iii. Akses pada semua kerana tiada had fizikal seperti perjalanan untuk menghadiri kelas. Setentunya Semuanya ini masih perlu ada syarat untuk mengendali dan demi memastikan kualiti penyampaian

pendidikan mematuhi standard tertentu.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai dengan dua soalan tadi. Bagi menjawab soalan:

1. Mengenai penyelarasan program dalam bidang pertanian. Pada masa ini sebanyak 15 program yang berkaitan dengan bidang pertanian dan agri makanan termasuk agri teknologi yang ditawarkan oleh institusi-intitusi pengajian tinggi awam dan institusi-intitusi pendidikan teknikal. Untuk makluman bersama juga seramai 320 orang penuntut-penuntut yang sedang mengikuti program NTEC, HNTEC, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pertanian dan Agri makanan termasuk Agri teknologi di institusi-intitusi pengajian tinggi ini. Pada sesi 2021/2022 ini.

Menyentuh penyelarassan tersebut program-program yang ditawarkan adalah berlainan peringkat iaitu dari peringkat 3 hingga 8 sepertimana dalam rangka kerja kelulusan Brunei Darussalam punya *qualification framework* dan juga mempunyai berlainan fokus dan berbagai peringkat. Dan bagi peringkat yang sama seperti di UNISSA dan UTB yang mana program UNISSA adalah lebih

pendekatan perniagaan pertanian Islam dan UTB pula adalah menjurus kepada sains dan teknologi pertanian dan agri makanan.

Kementerian Pendidikan akan sentiasa memantau agar tiada duplikasi dibuat di antara program-program pengajian yang ditawarkan di intitusi tinggi awam di negara ini mengambil kira dari segi *efficiency* dalam perbelanjaan peruntukkan perbelanjaan.

2. Mengenai sekolah tuisyen yang di adakan secara virtual. Sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan dalam **penggal 210** sememangnya bagi pendaftaran sesebuah institusi pendidikan swasta perlu memenuhi beberapa kriteria bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya penularan pandemic *COVID-19* ini, pembelajaran secara dalam talian digunakan untuk memastikan pembelajaran-pembelajaran masih dapat diteruskan. Cadangan tadi adalah baik tetapi untuk menjaga kepentingan pelajar-pelajar sebagai *consumer* sekolah tuisyen, diperlukan juga sekolah tuisyen itu ada *present* secara fizikal. Jika ada sebarang perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, pihak *regulator* seperti Kementerian Pendidikan akan dapat mengesan siapa-siapa yang bertanggungjawab mengenai perkara itu.

Ini sama dengan kes dalam *e-commerce* dalam *regulate* para-para peniaga dalam

*e-commerce* itu. Itulah sebabnya diperlukan *physical present*. Dan sebenarnya mengenai dengan perkembangan teknologi, dua-dua sepatutnya diambil baik dan dipraktikkan agar dapat memperkembangkan juga perniagaan sekolah tuisyen ini dengan lebih dapat *reach out* pelajar-kepada pelajar-pelajar yang memerlukan secara *virtual*.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Pengerusi:**

Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang

Berhormat Pehin Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Pertama-tama sekali tahniah setinggi-tingginya atas usaha Kementerian Pendidikan memberikan elaun kepada guru-guru dan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk pembelian data internet. Tahniah sekali lagi.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Seterusnya kaola sukacita merujuk projek-projek utama yang dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2021/2022 di bawah objektif strategik kedua, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan iaitu menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di Dewan yang mulia ini sebelum ini.

Kurikulum dan mewujudkan kurikulum termasuk mata pelajaran teras seperti

bahasa inggeris dan matematik, dengan piawaian yang sedia ada. Kewujudan piawaian kurikulum bagi mata pelajaran sains dan pengwujudan piawaian kurikulum bagi literasi kewangan dan literasi digital. Kaola ingin tahu;

- a) Apakah perkembangan projek-projek yang disebutkan tadi hingga setakat ini?
- b) Apakah perkembangan perancangan pihak terperinci pihak Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan kurikulum-kurikulum dan piawaian-piawaian baharu ini di sekolah-sekolah kerajaan di bawah Tahun Kewangan 2022/2023?
- c) Jika projek-projek ini masih belum dijalankan jangkaan, bilakah pihak Kementerian Pendidikan akan melaksanakannya.

Demikian saja dari kaola, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon atas soalan-soalan tersebut. Mengenai dengan projek penyemakan kurikulum ini, ianya ada *delay* sedikit disebabkan oleh pandemik *COVID-19*, di mana projek ini pada masa ini di dalam perundingan dan proses untuk *appoint* konsultan dan pakar-pakar yang diperlukan ان شاء الله ianya akan terjadi bulan Mac dan bulan April ini untuk proses penyemakan dan juga untuk

*review* piawaian dan *content* kurikulum pada subjek-subjek yang telahpun dinyatakan tadi.

Dari segi perancangan terperinci dari Kementerian Pendidikan memang dalam proses *review* kurikulum seperti menyediakan piawaian dan juga menyemak Perisian. Ianya memerlukan pelbagai peringkat seperti diperlukan penyediaan *resource-resource* untuk pengajaran dan pembelajaran dan memerlukan *training* kepada guru-guru dan pegawai-pegawai terlibat dalam proses *review* ini agar dapat kitani *transferteknologinya* dan juga *know how* nya agar di masa akan datang kitani dapat membuat sendiri perkara-perkara ini.

Dan itulah yang ada dalam pelan terperinci dalam Kementerian Pendidikan di mana kaola memanggil pihak konsultan dan pakar-pakar untuk membangun kapasiti tersendiri agar dapat membuat dengan sendiri dan juga dapat membandingkan kurikulum kitani dengan kurikulum-kurikulum negara-negara lain.

Untuk soalan ketiga, projek-projek ini akan dapat kitani laksanakan secara menyeluruh jika tiada aral, tidak berpanjangan pandemik ini pada tahun 2024. Ianya memerlukan perancangan terperinci dan tertakluk kepada segala *steps* dinyatakan tadi dapat dibuat agar pelaksanaannya akan teratur. Yang penting ialah perlaksanaan mengenai kurikulum dan piawaian ini akan dapat kita laksanakan secara teratur dan bersistematis.

Itu saja yang dapat dikongsikan, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Penularan COVID-19 membawa impak besar kepada pelbagai sektor di negara ini, dengan bidang pendidikan samaada peringkat rendah, menengah mahupun pengajian tinggi tidak terlepas daripada kesannya.

Di Negara Brunei Darussalam, الحمد لله Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan telah berjaya mengatur beberapa strategi agar pembelajaran para pelajar dapat diteruskan melalui kaedah-kaedah pengajaran ataupun platform-platform pembelajaran secara dalam talian. Manakala pembelajaran secara fizikal pula adalah dilaksanakan berpandukan kepada SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Kaola ingin bertanya, apakah inisiatif pihak Kementerian Pendidikan dalam memastikan tidak ada berlaku sebarang keciciran di dalam kalangan pelajar dalam menerima pembelajaran mereka.

Adalah dikhuatiri pelajar-pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan serta pelajar-pelajar kelainan upaya akan ketinggalan dalam sesi pembelajaran mereka atas sebab-sebab perkara yang bukan dalam kawalan mereka.

Adalah diharapkan agar para pelajar daripada golongan berkenaan akan dapat terus dipeduli supaya mereka juga dapat menikmati pembelajaran dan pendidikan yang sewajarnya baik pelajar-pelajar di dalam peringkat rendah dan menengah tetapi juga termasuk pelajar-pelajar di dalam peringkat pengajian tinggi peringkat teknikal dan vokasional.

Dalam pada itu, kaola juga ingin bertanya. Bagaimanakah keadaan kesejahteraan para guru-guru sejak terjadinya gelombang kedua dan gelombang ketiga wabak *COVID-19* ini.

Sememangnya dalam membudayakan norma baharu pengajaran dan pembelajaran, proses pelajaran dan pembelajaran para guru perlu bersifat dinamik, kreatif dan fleksibel. Sebarang isu dan cabaran perlulah ditangani dengan seeloknya agar ianya tidak akan menjelaskan ataupun memberikan kesan negatif kepada pembelajaran pelajaran dan komitmen guru-guru baik dari segi psikologi, emosi mahupun pencapaian akademik pelajar. Adalah diharapkan agar sokongan dan dukungan kepada para guru-guru akan terus diberikan dengan sebaiknya.

وبالله التوفيق والهداية. و السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengurus dan terima kasih juga Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu atas soalan-soalan tersebut.

Bagi menjawab soalan mengenai dengan inisiatif untuk mengurangkan atau menegah keciciran di antara pelajar-pelajar pihak Kementerian Pendidikan akan sentiasa memantau akan keberadaan pelajar-pelajar kitani di dalam sistem pendidikan kitani ini sebab itu juga beberapa inisiatif yang telah pun dinyatakan tadi dibuat seperti misal kepada golongan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan diberikan peranti dan juga data untuk mendapatkan akses yang sama dalam sistem pendidikan kitani dan ini bukan dari segi peranti ada juga masih memberi dari segi bantuan permakanan ada juga diberikan kepada pelajar-pelajar yang memang dalam program harapan dan juga para guru sentiasa memantau keadaan-keadaan pelajar-pelajar kitani ini dan ianya sentiasa dipeduli dan setiap sekolah-sekolah akan diperlukan untuk memantau dan memelihara statistik yang ada agar tiada keciciran berlaku.

Dari segi pembelajaran juga telah pun disediakan beberapa program untuk memantau *progress* anak-anak kitani ini dan juga dalam masa ini dalam peringkat rendah Kementerian Pendidikan masa ini membuat persediaan untuk menerima kembali pelajar-pelajar tahun 1 dan tahun 6 kembali ke sekolah dan di sana ada disediakan Program *Learning*

*Support* atau Program Peningkatan Pelajar untuk merangka di mana tahap mereka pada masa ini dan diberikan penekanan atau pemantapan sebelum mereka dapat belajar mengikut kurikulum yang telah disediakan. Itulah inisiatif-inisiatif yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan agar kitani dapat membantu pelajar-pelajar kitani dari keciran.

Mengenai dengan kesejahteraan para guru ini, terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu mengenai soalan itu ada berbagai-bagai inisiatif yang telah dibuat dan seperti yang dinyatakan tadi satu unit kesejahteraan pemimpin sekolah dan juga para guru telah pun dibuat kerana Kementerian Pendidikan menyedari akan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pemimpin sekolah dan para guru-guru semasa pandemik ini terutama sekali dari segi kesihatan mental dan diharapkan unit ini dapat membantu para pemimpin sekolah dan para guru akan menggunakan sebaiknya dan untuk membantu juga para-para guru dan pemimpin-pemimpin sekolah melaksanakan perkerjaan mereka sebaik mungkin telah pun diadakan pelbagai *professional development program* untuk mereka dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dalam suasana norma baharu terutama sekali membuat pengajaran dalam talian.

Itulah yang dapat dikongsikan buat masa ini Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَئْمَانِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى أَلْيَهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Di bawah perbahasan Kementerian Pendidikan kaola sukacita memohonkan penjelasan dan pencerahan mengenai perkara-perkaar berikut.

1. Sudahkah dan berapa kerap kurikulum sekolah-sekolah rendah, menengah dan menengah atas dinilai semula;
2. Adakah kurikulum dan sukanan subjek sains dan sains sosial yang digunakan pada masa ini sudah dinilai semula. Adakah semasa membuat sukanan tersebut ianya sudah dirujuk kepada sumber Al-Quran dan Al-Hadith sebagai sumber utama falsafah Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara dan juga pendidikan. Persoalan ini kaola ajukan bagi memastikan kurikulum yang ada masa ini benar-benar relevan dan memenuhi aspirasi murni negara untuk menjayakan Wawasan Negara 2035.

Sekian yang dapat kaola sampaikan untuk pencerahan Yang Berhormat Pengerusi dan kaola akhiri dengan atau kaola sedekahkan sebuah pantun untuk kitani. Senghaja kaola gunakan perkataan sedekah semoga ianya bermanfaat jadi amal jariah kitani

Buah mengkudu, buah bidara,  
Banyak faedah dan khasiatnya,  
Bersama menjayakan Wawasan Negara,  
Ilmu pengetahuan kunci kejayaannya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim atas soalan-soalan ataupun mohon pencerahan bagi itu. Bagi menjawabnya Kementerian Pendidikan akan sentiasa mengadakan penyemakan daripada kurikulum-kurikulum sekolah itu secara berkala dan ianya dibuat mengikut keperluan semasa juga dan masa ini misalnya subjek Sains dibuat penyemakannya mengambil kira perubahan zaman dan juga Revolusi Industri 4.0 dan juga Sosial Sains itu juga diadakan dan mengenai dengan adakah ia dirujuk juga mengikut kitani punya falsafah dan juga Al-Quran di sini Kementerian Pendidikan mengambil baik atas pandangan tersebut dan ianya akan diambil kira dalam pembentukan komiti

dalam penyemakan subjek-subjek yang telah dimaksudkan tadi itu.

Setiap masa Kementerian Pendidikan akan terus membuat penyemakan kitani punya kurikulum-kurikulum ini dan dalam masa yang sama juga kitani ingin memperkasa pegawai-pegawai kitani yang telah diamanahkan dalam membuat penyemakan-penyemakan kurikulum ini dan perkara-perkara ini akan dapat kitani laksanakan dengan sempurnanya dan diharapkan apa sahaja yang telah pun dicadangkan tadi akan dapat diambil baik oleh Kementerian Pendidikan dan semoga kita dapat mencapai kehendak yang dimaksudkan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Terus sahaja kepada pertanyaan iaitu SF04A – Universiti Teknologi Brunei (UTB). Pernah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah supaya program *Master of Teaching* dikaji semula. Ingin mengetahui tindakan dan perkembangan program berkenaan, adakah sudah dibuat penilaian dan keberkesanannya?

Seterusnya, seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi mengenai dengan program di UTB adalah sebuah universiti teknologi sewajarnya sudah menyediakan produk bagi kemudahan masyarakat dan negara secara inovatif.

Soalannya, adakah UTB sudah membuat kajian keperluan asasi negara dan masyarakat berdasarkan teknologi, sebagai contoh alat pembuka buah-buahan, pembersih ikan, pembersih jentera, pemotong rumput untuk mencantikkan lanskap dan sekitar dan lain-lainnya.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Mengenai dengan jika tidak salah kaola juga Pehin, UTB dengan program *Master of Teaching*, mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu sebelum abis kaola dapat menjawab tadi itu. Programnya itu tadi dikatakan itu program *Master of Teaching*.

Kalau itu, sebenarnya UTB belum ada program *Master of Teaching*, yang sebenarnya ini dilaksanakan oleh UBD, - Universiti Brunei Darussalam. Dan pada masa ini UBD dalam peringkat penyemakan kurikulumnya dengan konsultan yang telahpun di *appoint* daripada *University of Melbourne*. Dan prosesnya ini masa ini sedang berjalan dan diharapkan ianya akan memberikan

satu pembaikan dalam program itu yang mana dapat menepati keperluan industri pendidikan di negara kita dan juga di antarabangsa. Itu yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Bagi soalan kedua mengenai dengan adakah UTB telahpun menghasilkan teknologi yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi kita seperti dalam perikanan. Buat masa ini, memang ada penyelidikan-penyelidikan dibuat dari peringkat UTB tapi untuk di peringkat ianya dikomersialkan seperti yang telahpun dimaklumkan dalam permuzakarah kitani yang lebih awal belum mencapai ditahap itulah.

Jadinya masih lagi dalam berbagai-bagai proses dari segi *research* dan juga mengetatkan dan juga *commercialization* nya itu. Ini satu proses yang kompleks dan juga panjang dan diharapkan nanti dalam masa terdekat ini, Universiti Teknologi di Brunei akan berjaya membuat satu sumbangan yang dapat kita banggakan di masa yang terdekat ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih. بسم الله الرحمن الرحيم. Kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas pembentangan mukadimah oleh Yang Berhormat Pendidikan yang sangat jelas dan komprehensif tadi.

Jadi dalam Kementerian Pendidikan ini kaola bercakap terhadap Tajuk SF02A -

Universiti Brunei Darussalam dengan jumlah peruntukan \$77,342,530 iaitu khusus untuk kod 003-000 akademik dan pendidikan, jadi lebih kurang juga dengan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu tapi ada pengkhususan.

Yang Berhormat Pengerusi, pertama kaola teringin hendak mengetahui kolaborasi UBD dalam penyelidikan mengenai isu biodiversiti dan alam sekitar dengan universiti-universti terkemuka yang mana UBD sendiri yang kaola maklum menu buhkan *consortium* yang dinamakan *e-Government Innovation Centre (-cube)*.

Kedua, adakah sudah kajian telah dilaksanakan secara saintifik terhadap herba-herban yang banyak tumbuh di negara ini untuk mengetahui khasiatnya kerana herba-herba ini banyak berjualan di tamu-tamu dan gerai-gerai tapi sayangnya masih dalam bentuk asalnya iaitu bentuk hirisn batang kayu, daun-daunan, akar dan kulit, belum diproses atau belum diketahui kandungan saintifiknya.

Jadi kaola sarankan supaya pensyarah atau penuntut atau mana-mana juu dalam pihak kerajaan dapat bekerjasama dengan penjual-penjual herba ini bagi membantu mereka menaikan taraf produk mereka menjadi kapsul atau jus dalam botol yang menarik, disertakan dengan maklumat dalam artikal-artikal supaya ianya dapat mengangkat lagi *ranking* UBD di arena antarabangsa.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai dengan 2 soalan tersebut itu.

Bagi menjawab soalan mengenai dengan herba-herba itu tadi, UBD memang ada membuat kajian dan juga ada diadakan taman herba-herba kitani yang terdapat di kampus UBD pada masa ini. Tapi yang belum lagi dapat kitani ketengahkan ialah adakah ianya dapat dikomersialkan dari penyelidikan yang dibuat ini.

Mereka pada masa ini membuat bebagai-bagi penyelidikan seperti penggunaan herba dalam mengganti penggunaan gula dan juga macam-macam lagi. Jadinya diharapkan proses penyelidikan ini akan membuatkan produk-produk yang dapat kitani buatkan secara praktikal nanti.

Bagi soalan yang pertama mengenai dengan kolaborasi UBD dalam isu biodiversiti, memang ada diadakan seperti yang kitani ketahui UBD memang ada *Centre Biodiversity* di Belalong, Temburong dan di sana banyak kerjasama-kerjasama yang telah dibuat dengan universiti-universiti ternama di luar negara untuk dorang *accommodate* penyelidik-penyelidik dari luar negara untuk membuatkan penyelidikan mengenai biodiversiti yang terdapat di dalam negara kitani, di dalam pulau Borneo.

Dan kolaborasi-kolaborasi ini juga akan diteruskan dan diharapkan akan membuatkan macam-macam kolaborasi dan penyelidikan yang berguna bukan

sahaja kepada negara kitani, daripada seluruh dunia.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

### **Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Kaola akan menyentuh mengenai dengan SF01A – Jabatan Kementerian Pendidikan di mana peruntukan yang akan diberikan \$567,369,520. Pada fasa awal endemik ini kitani memulakan cara hidup di dalam norma baharu. Melihat pada perkembangan situasi wabak *COVID-19* yang masih lagi melanda negara kitani para ibu bapa pelajar khuatir tentang keadaan wabak tersebut. Maka haruslah jua kita ubaya-ubaya meski pun kita sudah di fasa endemik.

Salah satu inisiatif dan pandangan para ibubapa demi untuk mengurangkan peningkatan wabak *COVID-19*. Adalah cadangan sahaja Yang Berhormat Pengerusi untuk sementara waktu bolehkan kiranya para pelajar bersekolah secara fizikal pada hari Isnin, Selasa dan Rabu sahaja. Manakala hari Khamis dan Sabtu, belajar secara *online*.

Yang kedua kaola ingin menyentuh mengenai dengan Tajuk yang sama iaitu di dalam Unit Pendidikan Khas. Adakah Unit Pendidikan Khas ada menyediakan peruntukan pembelian alat-alat bantuan bagi murid-murid keperluan khas kerana

setentunya tidak sama antara satu murid dengan murid lain disebabkan oleh keperluan khas mereka, sebab melalui keluhan para guru-guru khas di mana disebabkan oleh kekurangan peralatan atau *materiāl*/ini.

الحمد لله, guru-guru ini telah menggunakan wang sendiri demi untuk melengkapkan keperluan agar anak-anak keperluan khas ini tidak ketinggalan dan beroleh pendidikan khusus. Kaola ingin bertanya di sini apakah usaha Kementerian Pendidikan agar keperluan ini dapat disediakan tanpa menggunakan wang persendirian guru-guru.

Yang Berhormat Pengerusi. Yang ketiga kaola ingin menyentuh mengenai tajuk SF03A di mana peruntukan yang akan diberikan \$ 27,731,700. Soalan kaola antara matlamat penubuhan UNISSA ialah melahirkan ulama. Sejauh mana program UNISSA berjaya dan berkesan melahirkan ulama, berapa orangkah sudah graduan UNISSA boleh dikatakan sebagai ulama sejak penubuhannya.

Dan terakhir kaola menyentuh SF02A di mana peruntukan yang akan diberikan \$ 77,342,530. Kaola ingin bertanya adakah kurikulum program-program UBD pada masa ini sudah dinilai keberkesanannya untuk keperluan dan pembangunan negara.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ .

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Terima

Kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Mengenai dengan 4 soalan yang telah pun diajukan. Mengenai dengan cadangan di dalam fasa endemik ini untuk persekolahan dilakukan pada hari Isnin, Selasa, Rabu secara fizikal dan juga pada hari Khamis dan Sabtu secara *online*. Ianya akan dipertimbangkan dan juga akan dibincangkan dalam *Taskforce Pendidikan* di dalam Jawatankuasa Pandu *COVID-19*. Dan diharapkan ianya akan dapat dibincangkan dengan lebih terperinci lagi buat masa ini. Terima kasih atas cadangan tersebut.

Bagi soalan kedua mengenai dengan Unit Pendidikan Khas mengenai dengan pembelian alat-alat bantuan khas. Memang ada peruntukan yang disediakan dan diharapkan kerjasama dari guru-guru supaya dapat memberikan keperluan-keperluan tersebut dan ianya akan dipertimbangkan dan jika perlu akan diberikan sebab memang ada peruntukan untuk pembelian alat-alat bantuan khas bagi Unit Pendidikan Khas.

Mengenai dengan UNISSA dengan melahirkan ulama. Kaola belum ada statistik dan mungkin akan menjawabnya secara bertulis, apakah pencapaian selama ini daripada UNISSA dalam melahirkan ulama-ulama yang dimaksudkan.

Mengenai dangan korikulum UBD sudahkan ianya di nilai keberkesanannya, satu cara dalam kita menilai

keberkesanannya ialah mengenai dengan kajian *Employer Satisfaction* yang diadakan setelah 6 bulan ataupun 6 bulan dari konvokesyen yang mana pada masa ini pihak UBD pencapaianya bolehlah menggalakkan.

Dan dari segi korikulumnya, memang dalam proses. Universiti terdapat *external examiner* dari segi program-program yang di mana mereka akan menilai mengenai dengan intipati korikulum, adakah piawaiannya menepati ataupun sama dengan program-program terdapat di luar negara. Dan ini diadakan secara berkala.

Itu saja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya juga ingin menambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa kita berbangga dengan kejayaan yang telahpun dicapai oleh UBD dalam *world ranking* dalam *ranking* universiti-universiti terkemuka di sebelah sini yang mana pencapaian ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai.

Jadi itu memberikan kredibiliti yang sangat tinggi nilainya kepada universiti yang unggul seperti UBD. Saya juga ingin menekankan bahawa jika sekiranya kita sendiri tidak berbangga dengan universiti kita sendiri, dengan menyoalkan mengenai dengan kedudukannya, maka apapun yang kita buat tidak akan mencapai sasaran-sasarannya.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji  
Abdul Hamid bin Hajji Mumin.

## **Yang Berhormat Awang Haji Abdul**

**Hamid bin Haji Mumin:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih  
Yang Berhormat Pengurus.

Kaola juga ingin mengambil bahagian dalam permuzakarahan ini dan kaola suka cinta ingin bercakap dalam SF01A Jabatan Kementerian Pendidikan.

سُبْحَانَ اللَّهِ الْمَدْعُوْلُ sepanjang perbahasan yang telah diadakan, nampaknya Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini dalam dewan ini berkisar dalam perkara pendidikan-pendidikan tinggi dan untuk mencapai ke arah tuju yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan.

Namun begitu elok juga kita melihat ke bawah, iaitu ke peringkat dasar sekolah-sekolah rendah supaya kita dapat mengingat kembali juga bagaimana sekolah-sekolah rendah pada tahun-tahun 50an, 60an awal 70an dalam sekolah-sekolah dasar pendidikannya. Itu yang dikhkususkan dalam bahagian pendidikan ilmu kejadian bak kata orang dahulu atau Ilmu Pertanian. Kalau zaman itu anak -anak sekolah mereka ini akan diberikan pendidikan-pendidikan di sekolah, belajar bertani dan sebagainya, salah satu mata pelajaran atau kegiatan setiap minggu. Namun begitu, perkara itu masa ini di sekolah-sekolah rendah tidak diadakan lagi. Sekarang kita mengenang semula bagaimana kepentingannya kepada salah satu sudut yang penting di negara kita iaitu bahagian pertanian. Supaya anak-

anak kita akan lebih awal berpengalaman bagaimana untuk bertani dan bercucuk tanam. Di mana ia boleh membawa kepada peringkat ke atas lagi kerana sekarang kita sudah ada IBTE pertanian dan sebagainya. Mungkin minat itu akan menuju ke sana. Jadi elok juga barangkali kita tunduk ke bawah semula kerana kita tinggi ke atas sudah dan selalu memandang ke atas. Tapi baik juga memandang ke bawah sedikit dan kalau dapat perkara itu dihidupkan semula sebagai salah satu untuk memberikan kemahiran awal kepada anak-anak dan negara kita supaya dapat berkecimpung dalam bahagian pertanian.

Barangkali, kaola mohon pencerahan daripada pihak Kementerian Pendidikan untuk memberikan sedikit pencerahan dalam perkara ini. Yang Berhormat Pengerusi, itu saja yang kaola sampaikan.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

## **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengurus dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin mengenai dengan soalan pertanian di sekolah rendah.

Untuk makluman bersama, kurikulum kita memang ada di sekolah rendah dari subjek Sains, ada meliputi bahagian pertanian. Di sana diajarkan sedikit sebanyak tentang pengetahuan mengenai dengan pertanian. Dan di sekolah-sekolah rendah juga ada mempunyai aktiviti-aktiviti pertanian

sebagai *niche activity*. Seperti di Sekolah Rendah Sungai Liang, memang aktivitinya ada pertanian dan juga di sekolah menengah seperti di Sekolah Menengah Masin, memang ia punya tumpuananya ialah bahagian pertanian. Dari segi itu, memang ada sekolah-sekolah yang membuat pilihannya sendiri, apa aktiviti- aktiviti khusus yang mereka buat untuk menarik minat pelajar-pelajar. Dan selalunya ini dibuat apabila melihat persekitaran sekolah-sekolah itu yang mana ada komuniti sekolah itu memang ada berminat dari segi pertanian dan aktiviti tersebut akan diambilkira oleh pihak sekolah juga. Itu yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya juga ingin menambah bahawa sejak dari dulu memang penilaian *standard* kita adalah tidak tertumpu dengan *standard* yang ada di dalam negeri sahaja. Kita biasanya membanding *standard* kita dengan *standard* orang yang lebih maju daripada kita. Pada misalnya baru-baru ini saya melihat bahawa Kementerian Pendidikan sudah mula mengikuti kaedah-kaedah seperti *PISA* yang mana kita membandingkan kedudukan kita dengan kedudukan negara-negara yang lain. Di sana dapat kita lihat di mana kedudukan kita sebenarnya dari segi mutu pendidikan yang kita sediakan untuk anak-anak yang bersekolah. Barangkali Kementerian Pendidikan terlalu agak sopan untuk menyuarakan perkara-perkata seperti ini. Biarlah saya sebagai orang yang pernah duduk di Kementerian Pendidikan yang masih mengikuti perkembangan pendidikan.

Saya melihat bahawa apa yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan boleh dikatakan, saya memberikan ucapan tahniah kepada mereka.

Dengan itu, saya kira cukuplah kita berunding mengenai dengan Jadual Kementerian Pendidikan ini dan masanya sudah tiba bagi kita untuk mengundi. Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Tajuk ini kita luluskan, sila angkat tangan.

**(Semua ahli mengangkat tangan  
tanda bersetuju)**

Terima kasih. Semua Ahli bersetuju. Tajuk Kementerian Pendidikan kita luluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A – SF06A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A-SH06A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang berpindah pada Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A - SH06A dan sebagaimana lazim, saya ingin memberikan laluan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan penjelasan tentang dasar dan objektif kementeriannya dalam menyediakan Anggaran Perbelanjaan yang berkenaan ini.

Saya sekarang persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

أَلْحَمْدُلِلَهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَئْتِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى إِلَهِ وَصَحْبِهِ أَجَمِيعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah sebelum membahaskan cadangan peruntukan bagi Kementerian Sumber Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Yang Berhormat Pengerusi, الحمد لله kaola menyambut baik peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang berjumlah \$96.13 juta, iaitu termasuk sebanyak \$31.38 juta sebagai Perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Kaola juga mengalu-alukan cadangan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menggunakan peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$24.61 juta, yang mana antara lain adalah untuk membiayai projek-projek utama seperti berikut:

- a. Sekitar \$9 juta disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi, yang termasuk bagi membiayai pembelian biji benih *hybrid* untuk diagihkan kepada peladang-peladang padi, perkhidmatan pengeluaran benih titih dan lain-lain;
- b. Sekitar \$1.3 juta disediakan bagi membiayai perbelanjaan bagi mendokong usaha ke arah meningkatkan hasil keluaran industri ternakan, antaranya bagi membiayai Program Pengiktirafan Akreditasi *ISO/IEC 17025* bagi makmal perkhidmatan *veterinar* dan Program Menangani Wabak Penyakit Haiwan Berjangkit;
- c. Sekitar \$1.8 juta disediakan bagi membiayai kerja-kerja pemeliharaan infrastruktur, bangunan, jentera serta peralatan pertanian, antaranya bagi membiayai kerja-kerja pemeliharaan jalan utama ladang, kerja-kerja pemeliharaan saliran dan longkang dan program pencegahan banjir dan lain-lain; dan longkang bagi program pencegahan banjir dan lain-lain; dan
- d. Sekitar \$3 juta disediakan bagi membiayai projek-projek untuk meningkatkan hasil dari industri tangkapan antaranya projek membina dan melabuh takat-takat tiruan serta lawa-lawa di perairan negara.

Melalui perbelanjaan RKN 11 pula, kaola bersyukur kerana disediakan sebanyak \$31.38 juta yang antaranya bagi membiayai projek-projek berikut:

1. Sekitar \$12.3 juta adalah Perbelanjaan Kemajuan Pertanian di bawah Program Pengeluaran Beras Negara iaitu sebanyak \$10 juta untuk melaksanakan pembukaan kawasan penanaman padi fasa kedua di kawasan Kandol, Daerah Belait. Dan sebanyak \$2.3 juta bagi membiayai projek-projek membina Skim Pengairan Tambahan Kawasan penanaman padi seluruh daerah;
2. Sekitar \$5 juta adalah bagi mendukung peningkatan keluaran sayur-sayuran menggunakan teknologi tinggi;
3. Sekitar \$3 juta bagi mendukung pembangunan industri ternakan;
4. Sekitar \$7 juta bagi perbelanjaan Kemajuan Perikanan iaitu \$6 juta bagi membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur dan \$1 juta bagi membiayai program perkembangan genetik dan pembiakan selektif ikan bagi meningkatkan produktiviti industri akuakultur;
5. Sebanyak \$732,000 adalah perbelanjaan bagi membiayai program penghijauan semula ke atas kawasan hutan yang *degraded*; dan

6. Sebanyak \$670,000 adalah perbelanjaan Kemajuan Pelancongan bagi pengukuhan produk-produk pelancongan.

Yang Berhormat Pengerasi. Dalam usaha untuk mengurangkan pergantungan perbelanjaan kerajaan, الحمد لله Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah berjaya melaksanakan beberapa projek melalui kaedah *Public Private Partnership (PPP)* sebagai contoh:

1. Dalam sektor Perikanan ialah perlaksanaan Projek Permodenan Pembangunan Semula Kompleks Pendaratan Ikan Muara yang menelan belanja sekitar \$14 juta. Projek ini telah bermula pada tahun 2021, dan insya-Allah di jangka siap pada tahun 2023;
2. Dalam sektor Perhutanan yang juga berkaitan dengan pelancongan ialah perlaksanaan projek pembangunan sebuah restoran di Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, Temburong dengan anggaran kos sekitar \$450,000; dan
3. Manakala dalam sektor pelancongan ialah perlaksanaan Projek Pembinaan Resort Eko-Pelancongan Mewah di Kampung Perdayan, yang menelan belanja sekitar \$4.5 juta untuk fasa 1. Projek ini telah siap sepenuhnya dan telahpun mula beroperasi sejak penghujung tahun lepas yang dikenali sebagai "*The Abode Resort & Spa*".

Yang Berhormat Pengerusi.

Di kesempatan ini, izinkan kaola mengongsikan pencapaian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sektor Pertanian, Perikanan, Perhutanan dan sekor Pelancongan sepanjang tahun 2021 yang lalu.

Tidak dinafikan, penularan wabak *COVID-19* yang melanda negara kita sejak dari awal tahun 2020 sedikit sebanyak telah memberikan impak kepada keberkesanan serta kelincinan operasi pengurusan perusahaan dan peladangan bagi sebilangan pengusaha. Di antaranya adalah disebabkan oleh isu berkaitan dengan mendatangkan dan memasukkan semula pekerja asing, misalnya buruh ladang, selain daripada isu berkaitan dengan mendatangkan bahan *input* ladang seperti biji benih, baja dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, ﷺ melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kementerian ini serta dengan dokongan padu daripada pihak yang berkenaan, terutama para pengusaha, petani, peladang, penternak dan nelayan. Secara keseluruhannya, prestasi keluaran kasar dari industri Sumber-Sumber Utama telah mencatatkan peningkatan yang positif pada tahun 2021 berbanding tahun 2020, iaitu meningkat sekitar 25.8% dari \$651 juta pada tahun 2020 kepada \$819 juta pada tahun 2021.

Pencapaian ini secara amnya disumbangkan oleh peningkatan keluaran dari:

1. Industri Pertanian dan Agrimakanan yang meningkat sebanyak 24.6%, iaitu daripada \$471 juta pada tahun 2020 kepada \$580 juta pada tahun 2021; dan
2. Industri Perikanan yang meningkat sebanyak 37.4% itu dari \$139 juta pada tahun 2020 kepada \$191 juta pada tahun 2021.

Peningkatan keluaran kasar dari industri pertanian dan industri perikanan ini adalah berikutan adanya peningkatan keluaran bagi beberapa komoditi utama seperti berikut:

1. Peningkatan jumlah keluaran ayam pedaging sekitar 22.3% iaitu dari 26,364.82 metrik tan pada tahun 2020 kepada 30,555.79 metrik tan pada tahun 2021, iaitu tahap pengeluaran yang paling tinggi pernah dicapai oleh negara kita setakat ini;
2. Peningkatan jumlah keluaran daging kerbau dan lembu sekitar 99.4% iaitu dari 2,148.75 metrik tan pada tahun 2020 kepada 3,827.21 metrik tan pada tahun 2021.
3. Peningkatan jumlah keluaran beras sekitar 6.4% iaitu dari 2,511.31 metrik tan beras pada tahun 2020 kepada 2,672.00 metrik tan beras pada tahun 2021; dan
4. Peningkatan jumlah keluaran perikanan, termasuk udang, sekitar 18.8% iaitu dari 16,575 metrik tan pada tahun 2020 kepada 19,699 metrik tan pada tahun 2021.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola seterusnya juga sukacita ingin mengongsikan mengenai pencapaian sara diri keluaran industri Pertanian dan Perikanan pada tahun 2021:

1. Bagi sektor ternakan, negara secara purata hampir mencapai tahap 100% sara diri dalam bekalan ayam pedaging dan telur ayam; dan sekitar 85% sara diri bagi bekalan daging kerbau dan lembu;
2. Bagi sektor tanaman, negara mencapai sekitar 66.5% sara diri bagi bekalan sayur-sayuran tropika dan sekitar 41.9% sara diri bagi bekalan buah-buahan tropika;
3. Bagi sektor padi iaitu dalam penghasilan beras, negara mencapai secara purata sekitar 8.71% sara diri; dan
4. Bagi sektor perikanan, negara mencapai secara purata sekitar 87% sara diri.

Kaola mengucapkan setinggi tahniah dan syabas, kepada semua pengusaha-pengusaha yang terdiri dari para peladang-peladang, penternak-penternak, nelayan dan pengusaha agrimakanan atas kegigihan mereka dalam meningkatkan keluaran mereka, yang mana membantu meningkatkan tahap sara diri negara.

Adalah diharapkan lebih ramai lagi penduduk kita, terutamanya kaum belia yang berminat dan terlibat dalam usaha meningkatkan keluaran sektor pertanian,

ternakan, perikanan dan agrimakanan, iaitu bagi menjamin sekuriti makanan bagi Negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi.

Bagi mendukung usaha ke arah menjamin sekuriti makanan negara, selain meningkatkan keluaran dan meningkatkan tahap sara diri, strategi bagi menjamin sekuriti makanan memerlukan penglibatan semua kementerian dan jabatan-jabatan terutama yang relevan dengan bekalan makanan tempatan, bekalan import dari luar negara, kerjasama perdagangan antarabangsa, isu kesihatan awam, isu keselamatan makanan, isu logistik dan pengangkutan, sama ada melalui darat, laut atau udara, dan tidak kurang penting ialah penglibatan institusi-institusi pendidikan dalam negara. Oleh itu, perkara ini memerlukan pendekatan secara *Whole of Government Approach*, *Whole of Nation Approach*, melibatkan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang relevan serta dengan pihak-pihak swasta.

الحمد لله perkara-perkara ini adalah terkandung dalam dokumen *Food Industry Roadmap* yang disediakan secara bersama oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kita amat berbangga kerana semakin ramai pengusaha baru dan muda dalam industri pertanian dan perikanan yang lebih selesa menggunakan teknologi dan

teknik moden dalam operasi perladangan masing-masing, antaranya, seperti menggunakan sistem teknologi reban tertutup bagi perusahaan ternakan ayam pedaging; sistem *feedlot* bagi perusahaan ternakan lembu; sistem *aquaponic*, sistem *vertical farming*, pengairan titis dan fertigasi dalam rumah terlindung bagi perusahaan tanaman; dan *recirculating aquaculture system* (RAS) bagi aktiviti perusahaan menternak ikan dalam tangki. Malah ada di antara mereka yang mengurus perusahaan mereka dengan sistem berkomputer penuh bagi memastikan pengurusan yang lebih sempurna.

Diharap agar lebih banyak lagi para pengusaha dan peladang yang menerapkan penggunaan teknologi dan teknik moden dan operasi perusahaan dan perladangan masing-masing demi untuk meningkatkan produktiviti dan kedayaesaingan produk-produk kita dan sesuai dengan hala tuju dalam mendukung ekonomi digital.

Yang Berhormat Pengerusi. ﷺ melalui inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan setakat ini, beberapa pengusaha belia telah bergiat aktif dalam bidang pertanian dan perikanan. Sebagai contoh:

1. Melalui perlaksanaan Program Projek Rintis Pertanian, dari seramai 104 orang pengusaha yang masih aktif, seramai 39 orang pengusaha adalah terdiri daripada golongan belia;
2. Manakala di bawah Program Pembesaran Perusahaan, dari

seramai 49 orang pengusaha yang diberikan tapak tambahan untuk membesarkan aktiviti-aktiviti perladangan, seramai 19 orang pengusaha adalah melibatkan belia;

3. Melalui 6 sesi Program Pendedahan Belia Pertanian, yang ditawarkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sejak 2018, seramai 98 orang kaum belia telah menyertai program berkenaan yang meliputi kursus-kursus asas pertanian dan sesi lawatan ke beberapa ladang-ladang belia yang berjaya.

Yang Berhormat Pengerusi. Menyentuh mengenai perkembangan dalam sektor pelancongan, penularan wabak *COVID-19* telah memberikan kesan yang ketara kepada pertumbuhan aktiviti-aktiviti perekonomian berkaitan dengan perkhidmatan pelancongan di negara ini, berikutan terjejasnya jumlah ketibaan pelancong.

Oleh itu, pihak kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan bersama dengan Lembaga Pelancongan Brunei (*Brunei Tourism Board*) telah melaksanakan beberapa inisiatif sebagai usaha untuk membantu merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi berkaitan dengan perkhidmatan pelancongan di negara ini dengan mempromosikan kempen dan aktiviti pelancongan domestik. Antaranya, melalui penganjuran aktiviti mempromosikan pakej-pakej pelancongan domestik bertemakan “Selera Bruneiku” yang menawarkan juadah-juadah tempatan sebagai tarikan

utama, pakej-pakej pelancongan domestik berdasarkan komuniti yang mengetengahkan keunikan serta kepelbagaian budaya dan tradisi kehidupan masyarakat setempat serta pelbagai tempat tarikan yang menawarkan perkhidmatan *experiential tours* yang menggabungkan pelbagai produk pelancongan *primer*, produk pelancongan baharu dan produk yang diungkayahkan oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) serta penganjuran pelbagai aktiviti menarik melalui program *Brunei December Festival, Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (Brunei MYCE)* dan sebagainya.

Inisiatif-inisiatif bagi mempromosi pelancongan domestik ini akan diteruskan lagi perlaksanaannya sepanjang tahun 2022 dan الحمد لله pelancaran pakej produk-produk pelancongan di keempat-empat daerah baharu sahaja dilancarkan pada awal bulan Februari 2022.

Yang Berhormat Pengerusi. Pihak kementerian juga tidak melupakan komitmen terhadap perlindungan dan pemuliharaan sumber hutan dan alam semula jadi negara. Di bawah Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei Darussalam, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan adalah merupakan *lead agency* bagi Strategi II, iaitu "Liputan Hutan". Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan penyerapan karbon (*carbon sink*) melalui penanaman semula hutan ataupun *afforestation* dan penghutanan semula (*reforestation*)

dengan sasaran menanam sebanyak 500,000 pokok menjelang tahun 2035.

Di bawah Protokol Hijau, kementerian-kementerian juga terlibat untuk menyokong "Kempen 26,000 Pokok" sepanjang tahun 2021 yang turut disertai sama oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu *Green Brunei* dan juga sektor swasta seperti Syarikat Minyak Shell Brunei, *Hengyi Industries Sendirian Berhad* dan lain-lain.

Kawasan-kawasan penanaman tersebut termasuk di kawasan Hutan Simpan Berakas, Hutan Simpan Aboretum, Hutan Simpan Keluyoh, kawasan atau zon di antara lembah Sungai Tutong dan Belait *Inter-Riverine Zone (IRZ)*.

Yang Berhormat Pengerusi. الحمد لله pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan pengusaha-pengusaha sektor sumber-sumber utama merasa bersyukur kerana sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pertumbuhan keluaran sektor pertanian, ternakan, agrimakanan dan sektor perikanan adalah penyumbang utama bagi pertumbuhan KDNK bagi bukan minyak dan gas.

ان شاء الله kementerian ini akan terus komited untuk mengenal pasti serta memikirkan strategi-strategi serta inisiatif-inisiatif baharu bagi memastikan keluaran dari industri pertanian, perikanan dan juga perhutanan serta pelancongan akan terus-menerus meningkat dari tahun ke tahun dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK.

Ini termasuklah juga untuk menggiatkan usaha bagi menarik penglibatan pengusaha-pengusaha baharu dalam bidang pertanian dan perikanan termasuk penglibatan pihak *GLCs* dan Pelaburan Langsung Asing, menggalakkan para pengusaha-pengusaha yang berkenaan agar sentiasa komited, progresif dan bersemangat untuk mengembang majukan perusahaan serta aktiviti perlادangan masing-masing, menggunakan teknologi serta teknik moden dan mengamalkan tadbir urus yang baik bagi memastikan keluaran akan terus meningkat dari tahun ke tahun dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan pencapaian serta perkembangan terkini aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kementerian ini iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapan kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan. *وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ*

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan baharu sahaja selesai menerangkan secara mendalam

tentang perancangan serta hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Saya sekarang ingin membukakan Tajuk ini untuk kita bahaskan dan saya persilakan untuk memulakannya dengan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

*بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Terus saja kepada perbahasan kitani. Negara telah berusaha untuk mengawal *COVID-19* dalam fasa endemik sekarang, di samping memastikan pembangunan ekonomi terus meningkat. Walaupun *essential travels* sudah mula diperkenalkan, *Omicron* setentunya membantutkan perancangan untuk pengangkutan antarabangsa bagi pelancongan. Namun begitu perlunya kitani untuk memulakan semula pelancongan antarabangsa. Saya juga mengambil baik usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tadi di dalam mengukuhkan lagi pelancongan domestik yang dikongsikan oleh Yang Berhormat tadi.

Soalan saya, apakah ada perancangan seperti rangka kerja atau jangka masa untuk membuka pelancongan-pelancongan antarabangsa kitani semula? Ini memandangkan kitani sudah masuk fasa endemik dan negara-negara lain sudah memulakan pelancongan antarabangsa mereka kerana ia setentunya memerlukan peruntukan

yang signifikan serta kordinasi pelbagai sektor kerajaan dan swasta untuk memastikan ia berjalan dengan selamat masa depan pelancong dan mampu menjana pendapatan semula.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy.

Kaola rasa soalan ini sudah disuarakan semasa sesi muzakarah. *Anyway* kaola menjawab lagi semula. Berkenaan dengan membuka semula *tourism* ini kepada pelancong luar negara atau pun luar negeri adalah tertakluk kepada keadaan atau pun *advice* daripada autoriti kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Jadi, kaola tidak dapat menjanjikan apa kerana itu tertakluk kepada perkembangan dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, yang penting kita sudah bersedia kalau pelancongan sudah dibenarkan. Jadi dengan sendirinya pelancongan domestik itu adalah penting sebagai persediaan untuk *travelling* akan dibuka semula.

Yang penting produk itu mesti ada sedia. Jadinya pelancong ke mari, produk kita dari segi *prime product* Kampung Ayer, di Temburong dan Bandar Seri Begawan itu kita punya *prime products, heritage product* kita. Selain itu kita menambah

produk-produk baru di Muara, Tutong, Belait dan di tempat-tempat lain.

Dalam pada itu juga, kita mengadakan kolaborasi dengan pejabat-pejabat daerah untuk menggunakan aktiviti MPK itu sebagai satu destinasi pelancongan di semua daerah, asal saja mereka bersungguh dan konsisten dengan produk mereka dan akan dipromosikan dan yang terbaharu adalah *MYCE Tourism* atau pun yang berbentuk *meeting* sama *conference*. Ini *popular* di negara-negara lain seperti Singapura dan Hong Kong, negara-negara kecil. Jadi, kita pun sudah memulakan *MYCE Tourism* sejak tahun lepas dengan mengadakan *conference and exhibition*.

الحمد لله tahun lepas 8,000 pengunjung di acara *MYCE* selama sebulan itu dan disebabkan keadaan *COVID-19* jadi kebanyakan acara diadakan secara *hybrid, speakers* dari luar negara dijemput, tetapi mereka *attend* secara *virtual* dan peserta negara pun ada juga hadir tetapi secara *virtual*.

Apabila nanti keadaan sudah pulih, ertinya asas sudah ada untuk kita mengadakan *conference* secara *international* itu dan pelancongan *MYCE* ini akan berkembang, sebab itulah yang dapat kita buat.

Banyak lagi yang penting, kaola memastikan kualiti yang terbaik dari segi keselamatan, dari segi kebersihan adalah terjamin bagi pelancong dari dalam dan luar negeri. Jadi, kita bersedia untuk bila-bila saja terbukanya pelancongan

itu. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَئْتِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى إِلَهِ وَضْحَبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sentiasa menyokong penuh usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memajukan industri pertanian, perikanan, perhutanan dan lain-lain. Kaola membawa Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian.

Terdapat dari isu-isu yang berbangkit dari pengusaha tempatan yang mengusahakan projek *Green House* di bawah Syarikat *Growpoint*. Satu perjanjian dalam kontrak *documents* berubah dari sebelumnya. Pengusaha terpaksa mencari pembeli dan berjual sendiri hasil tanaman, memandangkan hasil tuai tidak habis dipasarkan oleh *Growpoint* sebagaimana dijanjikan. Hasil jualan ada yang dipotong dikatakan untuk perbelanjaan pembinaan *Green House*, harus juga disubuk-subuk sejauh mana keberkesaan dan kemajuan pengusaha di bawah projek bersama Syarikat *Growpoint*.

Sekian terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. *Growpoint* ini sebuah syarikat yang menanam musk melon asalnya, pun memakai kontrak juga iaitu *element contract farming* ertinya bekerjasama dengan *local*. Ia membeli semua dan dieksport *musk melon* ke luar negara.

Yang terbaru adalah *contract farming* dengan pekerja-pekerja daripada syarikat telekom di Brunei yang merancang untuk bersara, di mana syarikat telekom telah menyediakan *funding* bagi mereka untuk memulakan bisnes dan *funding* itu digunakan untuk membuat *greenhouse* – Rumah Hijau. *Arrangementnya*, mereka bertanam cili sama-sama *Growpoint* dan cili itu kalau ikut spesifikasinya lurus, kualitinya lurus seperti yang ditetapkan awal ikut kontrak, maka akan dibeli.

Kaola selalu ke sana, tetapi tidak mendengar cerita ini dan kalau ada, akan diselesaikan. Sejauh ini tidak ada aduan kepada kaola, sama ada peladang itu ataupun *Growpoint*, tetapi kalau ada akan cuba diselesaikan, itu saja. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SHO6A – Jabatan Kemajuan Pelancongan. Dalam keadaan wabak *COVID-19* tidak dinafikan bahawa industri pelancongan menghadapi cabaran yang cukup hebat terutama sekali di dalam menggerakkan perniagaan di dalam pelancongan ini termasuklah pelancongan tempatan. Dalam keadaan seperti ini kaola mengemukakan satu soalan.

Dalam hal ini, apakah pihak-pihak berkenaan mempunyai usaha dan inisiatif untuk memperkenalkan kaedah baharu berasaskan teknologi atas talian bagi memastikan industri pelancongan tempatan sentiasa berkembang dan menyumbang kepada ekonomi negara dan masyarakat setempat.

Sekian,

وَبِاللهِ التوفيق وَالهُدَى. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih. Yang Berhormat Pengurus. Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Jadi memanglah kita menggunakan *latest* teknologi terkini dalam beroperasi mempromosi industri pelancongan Brunei ini untuk dalam atau pun di luar negara secara meluas. Kalau dulu-dulu bajet promosi sampai berjuta-juta di Jabatan Kemajuan Pelancongan, tetapi dalam tahun kebelakangan ini *most zero*, kosong bajet pelancongan kerana kita menggunakan *digital marketing* untuk mempromosi produk-produk pelancongan negara kita, semua negara

pun begitu dan orang menggunakan *Instagram*, *Facebook* untuk mempromote destinasi pelancongan ataupun *event-event* tertentu bagi menarik orang ramai untuk menyertai ataupun mengunjungi tempat-tempat berkenaan dan *virakan*.

Yang paling terbaru, kitani kurang pemandu pelancong yang berbahasa Mandarin, Jepun, Korea dan Perancis. Jadi ada diperkenalkan baru-baru ini di Royal Regalia sebagai Projek Rintis di mana orang menggunakan *smart phones* boleh menscan apa-apa yang dipamerkan di sana itu dengan sendirinya boleh keluar maklumat sama ada secara *text* ataupun *sound* yang akan menerangkan apakah yang sedang dipamerkan di sana itu dalam bahasa yang dipilih sama ada bahasa Mandarin ataupun bahasa Jepun ataupun bahasa Korea dan malah kalau pelancong tersebut menaiki *coach* ataupun jalan kaki sahaja di bandar itu, kalau yang lalu melalui Masjid Omar 'Ali Saifuddien sekiranya, akan ada *sign* di sana akan memaklumkan untuk *download apps* tersebut apa yang berkenaan dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddien tersebut. Jadinya penggunaan *multimedia* itu sudah menjadi *advanced* dan ini akan dilaratkan kepada muzium-muzium lain di masa-masa akan datang.

Jadi ertinya walaupun kitani tidak boleh berbahasa berbagai bahasa dengan sendirinya kurang usaha tani untuk mengimport pemandu dari luar negara untuk menjadi *guide* kepada kitani, ditakuti maklumat itu tidak tepat.

*Basically,* kitani memang *try to adapt* teknologi terbaharu itu. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman**

**@ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SH01A – Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, di mana peruntukan yang akan diberikan B\$5,960,390.00.

الحمد لله merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa pembukaan Majlis Mesyuarat Negara berkaitan dengan *food security* negara.

الحمد لله sukacita kaola minta keterangan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu:-

- i) Masyarakat sudah sekian lama terbiasa makan nasi dari beras import dan kurang *popular* dengan beras hasil tempatan. Adakah sudah dibuat penyelidikan akan pendapat masyarakat berkaitan kegemaran dan pandangan mereka dalam menaiktaraf kualiti beras tempatan.
- ii) Brunei Darussalam dikurniakan tanah yang subur dan laut yang

berpontensi dengan hasil sumber negara. ﷺ kaola ingin bertanya, berapa ramai sudah pakar dari anak tempatan dalam bidang pertanian dan perikanan dan apa sudah pihak Kementerian usahakan dalam menghasilkan buah, sayur, ayam, daging dan ikan dari bumi Brunei Darussalam untuk mencukupi *food security* negara dan sumber eksport bagi perkembangan ekonomi negara. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Jadi kaola telahpun menerangkannya semasa mukadimah kerana *output* meningkat beberapa peratus dan sara diri pun telah diterangkan.

الحمد لله kitani mendapati sektor pertanian dan perikanan meningkat secara signifikan *the last few years* ini dan seperti juga taklimat daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dua hari yang lepas, jelas sektor ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kitani secara signifikan dari sektor bukan minyak dan gas.

Tapi kaola tidak akan berasa puas dan akan terus meningkatkan lagi, bukan saja untuk sara diri malah untuk tujuan eksport dan untuk diproses juga. Jadi ada ruang untuk kitani tumbuh lebih daripada sara diri sebenarnya.

Sebab itulah seperti udang, bukan sahaja untuk dalam negara tetapi untuk dieksport, ikan-ikan pun bukan sahaja untuk dalam negara tetapi untuk dieksport. Kalau boleh kitani eksport, lagi bagus.

Tapi macam beras itu, kitani masa ini 8.7% sara diri berbanding dengan 4% pada lima tahun lalu, ada kenaikkan. ان شاء الله akan dinaikkan lagi setinggi-tingginya, tetapi memerlukan pelaburan kitani. *That's why* Kandol itu dibuka. Masa ini baru sekitar daripada 500 hektar, baru 50 ke 150 hektar akan siap hujung tahun ini tanahnya itu. Jadi, ada lagi tinggal 300 lebih hektar dan memerlukan perbelanjaan dan kawasan besar, ertinya memerlukan pengairan yang cukup. Jadi sudah berjawab dari mukadimah tadi.

Berkenaan dengan beras tidak *popular* tiada kaola mendengar kerana selalu habis terjual, di pasar, orang *queue* membeli. Belum ada kajian dibuat sama ada *popular* atau tidak yang jelas ianya habis terjual.

Dari segi kepakaran dalam bidang pertanian, bidang perikanan. Jadi kebanyakannya orang yang bekerja di kementerian memanglah ada *qualifications* dalam berbagai bidang pertanian dan perikanan, tetapi tidak semua bidang dan kita tiada ramai orang dan kita juga bergantung kepada kerjasama universiti-universiti, sama ada UBD, UTB dan UNISSA dalam sama-sama meningkatkan kemahiran ketani dalam bidang ini, jadi sama-sama untuk memajukan negara kita ini. ان شاء الله Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah perbincangan kita mengenai dengan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan saya suka untuk betanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya Tajuk ini kita luluskan. Sila angkat tangan.

**(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih, semuanya bersetuju.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu SH01A hingga SH06A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita berpindah kepada Jadual Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan mukadimahnya tentang dasar dan objektif dalam penyediaan rancangan perbelanjaan kewangan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Kementerian Hal Ehwal Ugama:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَئْمَانِ  
الْأَئْمَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى أَلْهِ وَضَعْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat rakan-rakan, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengucapkan terima kasih atas kesempatan ini ada masa kita barangkali kalau untuk kementerian ini siap dalam kurang sejam mungkin kitani ada masa ان شاء الله dan kerana itu, kaola cuba untuk meringkaskan mukadimah kaola.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan sokongan menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Belanjawan 2022/2023 sebanyak jumlah keseluruhannya \$280,936,340.00 iaitu ditolak daripada Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$19,030,000.00 menjadikan Belanja Berulang-Ulang dan pemeliharaan termasuk gaji kakitangan adalah sebanyak \$261,906,340.00.

ان شاء الله Kementerian Hal Ehwal Ugama cuba sedaya upaya akan mengoptimakkannya bagi melaksanakan rancangan-rancangan dalam strategi belanjawan:

1. Memfokuskan perbelanjaan kepada Pendidikan Ugama untuk ke semua penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk dakwah mengambilkira ianya adalah tugas utama kementerian termasuk melahirkan generasi yang berpengetahuan ugama dan mengamalkan ugama serta mempunyai fahaman keugamaan yang secara teratur, secara sistematis. Ertinya ugama yang diajarkan di sekolah-sekolah,

diamalkan dalam rumah-rumah tangga dan masjid serta di dakwahkan. Dengan itu, kitani dapat memelihara keutuhan berugama. Tidak ada yang akan melenceng daripada ajaran-ajaran yang kitani amalkan;

2. Memfokuskan peruntukan kepada pemeliharaan aset-aset dibawah MORA yang perlu diberikan perhatian utama; dan
3. Untuk menempatkan kakitangan secara berperingkat-peringkat di cawangan-cawangan daerah yang dikenalpasti untuk diberikan keutamaan, khasnya bagi tujuan-tujuan dakwah yang mantap dan juga mengisi beberapa jawatan untuk hal ehwal masjid di daerah-daerah dan juga di bidang penguatkuasa undang-undang.

Maka dengan itu, sokongan kepada belanjawannya adalah sebagaimana yang telah kaola nyatakan tadi.

الْحَمْدُ لِلّٰhِ berdasarkan kepada pengalaman tahun lepas, sekali pun keadaan kita dalam gelombang *COVID-19*, dimana pergerakan kita sebahagian kehidupan rutin kita agak terhad, namun perkhidmatan ugama. ان شاء الله dengan berkat kerjasama semua pihak dapat berjalan sesuai dengan rentak dan suasana *COVID-19* yang kita alami. Dan berpandukan daripada itu, maka belanjawan pada tahun hadapan akan juga dipergunakan bagi kegiatan-kegiatan yang dinyatakan tadi dalam rentak yang ان شاء الله dalam fasa endemik ini, mungkin akan berubah iaitu kitani

akan terbiasa dengan endemik ini dan dapat melaksanakan rutin kerja, tugas kitani dalam rentak yang agak baik daripada rentak sebelumnya.

Dalam masa yang sama kaola ingin menyatakan bahawa bagi perancangan-perancangan yang sudah dirancang ini ialah mengukuhkan pencapaian-pencapaian yang sudah dicapai, umpamanya dari segi bidang pelajaran, pencapaian anak-anak murid-murid kitani yang berada di persekolahan ugama dan di persekolahan arab yang diukur daripada pencapaian hasil peperiksaan mereka baik aliran ugama iaitu Sijil Rendah Sekolah Ugama, Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB), Sijil Pelajaran Tinggi Ugama. Yang ketigatiganya ini adalah setara atau seiring dengan sijil-sijil dalam jurusan umum iaitu PSR, 'O' Level dan 'A' Level. Pencapaiannya الحمد لله mencapai *target* yang diharapkan dan angka-angkanya mungkin dapat dilihat daripada laporan-laporan yang seterusnya nanti.

Begin juga mengenai pembangunan-pembangunan, walaupun agak terhad dengan beberapa perkara tapi permohonan yang dirancangkan terutama sekali dalam Rancangan Kemajuan Negara bagi masjid-masjid yang sudah ditetapkan dengan peruntukannya. Pada tahun lepas 2 buah masjid dalam RKN iaitu Masjid Mengkubau dan Masjid Meragang sudah pun bermula untuk dilaksanakan.

Sementara masjid-masjid yang lain masih dalam *pipeline* iaitu sama ada dalam tawaran untuk menunggu ketetapan tawaran atau pun dalam

peringkat untuk perubahan-perubahan yang dikehendaki berikutan daripada kedudukan peruntukannya yang agak terhad.

Begin juga dengan inisiatif-inisiatif yang lain. Jadi pendek katalah, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan meneruskan usaha-usahanya terutama juga dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan peruntukan yang diuntukkan tetapi menyumbang pada fiskal kerajaan umpamanya melalui Majlis Ugama Islam Brunei yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei mengenai zakat dan wakaf.

Jadi semua ini berjalan dan bagi ke hadapan sedang dipikirkan cara untuk meningkatkannya, iaitu kalaualah dari segi zakat sahaja ia telah menyumbang kepada fiskal kerajaan dari segi kebajikan bagi orang ramai, tidak kurang keluarga yang ditanggung oleh zakat dari segi mereka itu orang yang tidak berkemampuan untuk hidup beserta dengan tanggungan mereka, hampir mencapai jumlah 19,000 orang, dengan perbelanjaan untuk 2 tahun dan mencapai angka ke \$80 juta.

Mujurlah hasil yang dikutip daripada zakat setiap tahun dianggarkan antara \$17 juta ke \$18 juta, الحمد لله dan kerana itu Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) memikirkan cara-cara kutipan yang boleh menambah meningkatkan kutipan hasil sebagaimana yang telah dibuat pada tahun lepas zakat fitrah melalui *online* dan nampak Berjaya dan pada tahun ini, perancangan

sudah dibuat untuk zakat harta melalui *online* diperkenalkan.

Maka sedemikian itu jugalah dalam wakaf. Wakaf sekarang ini sudah ada akta-aktanya yang akan disiapkan rangnya dalam pertengahan tahun ini dan wakaf ini juga difikirkan bukan sahaja menyediakan undang-undangnya tetapi juga ialah bagaimana untuk memikirkan tadbir urusnya.

Zakat sudah ada ketetapan yang diperkenankan untuk sebuah jabatan *fully department* Zakat dan Baitulmal. Tinggal lagi pada masa ini dalam pertimbangan Jawatankuasa Tangga gaji memikirkan struktur yang bersesuaian. Sementara wakaf ialah mesti akan dalam pemikiran-pemikiran yang akan kita lihat nanti.

ان شاء الله beginit juga dalam bidang pengajian islam beberapa inisiatif telah dibuat dan menampakkan kejayaan yang mencapai *KPI* dalam wawasan. Misalnya dari segi peratus *performance* guru-guru dan peratus *performance* sekolah adalah mencapai dalam 4 tahun peningkatan adalah terus menerus meningkat dan semua ini adalah berkat inisiatif daripada pegawai-pegawai muda yang berkhidmat dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Pendidikan yang mana mereka ini adalah sebagai generasi baharu kitani yang akan meneruskan perkhidmatan ugama menuju ان شاء الله matlamatnya yang sedemikian.

Beginit sahaja Yang Berhormat Pengerusi, yang dapat kaola terangkan begitu ringkas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan supaya persidangan kita ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Selasa, 1 Mac 2022 Masihi mulai daripada jam 9.30 pagi.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**